



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN KOLEKSI DIGITAL
BRITISH COLONIAL OFFICE**

23 JANUARI 2026 (JUMAAT)

9:45 PAGI

**AUDITORIUM
PUSAT PENDOKUMENTASIAN DAN
PEMULIHARAAN BAHAN AUDIOVISUAL (PPPAV)
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

Assalamualaikum, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI,

Terima kasih pengacara majlis.

SALUTASI

**disediakan secara berasingan.*

PENDAHULUAN

1. Terima kasih kepada semua yang hadir. Hari ini kita berkumpul di Arkib Negara bagi **Majlis Pelancaran Koleksi Digital British Colonial Office**. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Yang Berhormat Menteri. Beliau kerana tidak dapat hadir bersama-sama kita pada pagi ini kerana mempunyai komitmen lain. Oleh itu, izinkan saya membacakan ucapan beliau.
2. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Arkib Negara atas penganjuran **Majlis Pelancaran Koleksi Digital British Colonial Office** pada hari ini. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan, menyebarkan dan menyemarakkan koleksi digital terbaharu Arkib Negara yang tersedia boleh dirujuk dan diakses oleh rakyat Malaysia.

3. **Koleksi British Colonial Office** merujuk kepada kumpulan rekod rasmi yang diwujudkan oleh **Colonial Office** iaitu jabatan kerajaan yang menguruskan pentadbiran tanah jajahan empayar British dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Koleksi ini berkaitan pentadbiran dan tadbir urus, hubungan antarabangsa, perubahan demografi dan kehidupan di negara tanah jajahan British.
4. Kumpulan rekod yang disimpan di The National Archives of United Kingdom, London ini amat signifikan kerana turut mengandungi maklumat tentang Malaysia yang akan menjadi rujukan utama penyelidikan sejarah negara. Koleksi digital yang diperolehi Arkib Negara adalah berkaitan **Tanah Melayu (Malaya), Singapura, Borneo, Brunei, Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu**.
5. Bahan digital ini terdiri daripada surat-menyurat, dokumen, manuskrip, peta, pelan, gambar, perjanjian, laporan, akhbar, majalah dan sebagainya. Ia mengandungi sejumlah **8,507 fail** dengan **1,131,112 imej atau muka surat dari tahun 1759 sehingga 1967**.
6. Koleksi digital British Colonial Office ini boleh diakses di Arkib Negara menggunakan **Platform Gale Primary Sources yang merupakan pangkalan data digital antarabangsa**. Sebarang

penyalinan bahan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Arkib Negara Malaysia (Fi) 2015.

7. Penggunaan platform ini merupakan inisiatif menyokong **agenda transformasi digital sektor awam** dalam memperluas akses terbuka kepada sumber sejarah primer. Penyelidik tempatan dapat melakukan kajian mendalam dengan mengakses koleksi tersebut tanpa sempadan masa dan tempat dengan lebih mudah, cepat dan efisien sekaligus menjimatkan kos kepada rakyat menjalankan penyelidikan.
8. Penggunaan koleksi British Colonial Office ini dapat **membantu penyelidikan yang berimpak tinggi, merentas pelbagai disiplin sejarah, sains sosial, undang-undang dan kajian wilayah**. Ia juga menyokong hasrat kerajaan dalam menangani isu, pertikaian serta polemik berkaitan fakta sejarah di peringkat negara dan antarabangsa.
9. Saya berharap capaian koleksi ini yang disediakan oleh Arkib Negara dapat menarik minat dan menggalakkan pengkaji dan penyelidik dari dalam dan luar negara yang akan menjalankan kajian dan penyelidikan berdasarkan sumber yang sah.

PENGESANAN, PENYELIDIKAN DAN PEROLEHAN BAHAN SEJARAH DI DALAM DAN LUAR NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sejak 1958, Arkib Negara Malaysia menjalankan kerja pengesanan dan perolehan rekod di dalam dan luar negara. Pada tahun 1965, pembelian pertama rekod berkaitan Tanah Melayu dari Public Record's Office, London dilaksanakan. Selain United Kingdom, Arkib Negara memperoleh rekod dari negara Belanda, Portugal, Australia, India, China, Indonesia, Singapura dan Thailand. Rekod luar negara yang diperolehi ini telah dimanfaatkan oleh para penyelidik.

11. Tidak terhad di luar negara, pengesanan, penyelidikan dan pemerolehan koleksi bahan sejarah di dalam negara turut dilakukan melalui orang perseorangan, waris, pertubuhan dan komuniti setempat. Mereka menjadi sumber penting dalam memahami latar belakang sejarah negara kerana mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dengan peristiwa penting yang berlaku.

12. Kerajaan MADANI sentiasa prihatin terhadap usaha pengesanan dan penyelidikan bahan di dalam dan luar negara. Sungguhpun kosnya agak tinggi, namun kerajaan

menyediakan peruntukan kepada Arkib Negara untuk melaksanakan program ini. Di samping itu juga, **Arkib Negara sedang mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak antaranya Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia untuk melaksanakan pengesanan, penyelidikan dan pembelian bahan arkib di dalam dan luar negara.**

13. Bahan daripada koleksi rasmi dan persendirian merupakan sumber sejarah yang tepat dan sahih untuk melengkapkan naratif pensejarahan negara dalam mempertahankan hak dan kedaulatan negara. **Penemuan sumber primer baharu akan mengubah landskap sejarah negara dan menyuburkan penyelidikan dan rujukan serta melahirkan masyarakat bermaklumat yang dapat membina negara bangsa yang bersatu padu.**

14. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong usaha Arkib Negara meneruskan pengesanan dan pembelian bahan sejarah mengenai Malaysia di dalam dan luar negara. Usaha ini perlu dijalankan kerana mengikut amalan arkib antarabangsa, fail rasmi kerajaan akan dibuka untuk penyelidikan setelah bahan tersebut mencapai taraf arkib iaitu

antara 25 hingga 30 tahun dalam simpanan. Oleh itu, bahan sejarah yang baru dibuka ini dapat diperoleh untuk melengkapkan koleksi sejarah negara.

15. Kementerian akan turut menyokong Arkib Negara supaya **meningkatkan keupayaan tenaga pakar khusus untuk melaksanakan tugas pengesanan dan penyelidikan sumber sejarah negara.**

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

18. Penggunaan sumber sejarah yang sahih akan menyumbang kepada budaya pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti tinggi serta dapat dimanfaatkan secara meluas oleh masyarakat. Dengan mempunyai koleksi bahan sejarah yang komprehensif, Arkib Negara memainkan peranan lebih aktif sebagai pusat penyelidikan yang menyumbang kepada perkembangan pembelajaran di negara ini khususnya kepada generasi muda.

20. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Arkib Negara atas penganjuran majlis ini. Dengan ini, sukacitanya saya merasmikan **Majlis Pelancaran Koleksi Digital British Colonial Office** pada hari ini.

Sekian, terima kasih, Xiexie, Nandri.